

Newspaper	Utusan Melayu
Date	19/08/2017B

Pas pernah saran Dr. M lawat Kampung Memali

KOTA BHARU 18 Ogos - Pas pernah beberapa kali mengadakan pertemuan dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bagi menyuarakan saranan agar Tun Dr. Mahathir Mohamad melawat Kampung Memali di Baling, Kedah, untuk menghilangkan prejudis dan marah penduduk kampung itu tentang isu Memali.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, selepas perkara itu disuarakan kepada Timbalan Presiden PPBM, Datuk Seri Mukhriz Mahathir untuk disampaikan kepada bapanya yang juga

pengerusi PPBM, tiada sebarang tindak balas daripada Dr Mahathir.

"Tiada sebarang tindak balas daripada Dr Mahathir sehinggalah ia dibangkitkan kembali oleh individu dalam program 'Nothing To Hide 2.0' di Shah Alam, Selangor baru-baru ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Takiyuddin yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu berkata, kekecohan pada program itu mungkin boleh



TAKIYUDDIN HASSAN

dilakkan selain menyelesaikan banyak perkara lain jika Dr Mahathir mengadakan lawatan ke kampung Memali.

"Meskipun ia kes lama tetapi selagi ia tidak diselesaikan, walau berapa lama sekalipun, selagi itulah ia akan diperkatakan," katanya.

Beliau berkata, Pas sejak dahulu mencajangkan supaya kerajaan Persekutuan mewujudkan inkues berkaitan tragedi terbabit.